

# Rundingan Malaysia Hall 10 Februari

BH - 6 FEB 2000

Daripada AZIZI OTHMAN

**LONDON:** Usaha kerajaan untuk menjamin kesinambungan kewujudan bangunan Malaysia Hall di sini, yang akan tamat tempoh pajakannya tahun depan, dijangka bermula 10 Februari ini.

Pada tarikh itu satu 'pertemuan' akan diadakan di antara pihak yang bertanggungjawab mendapatkan lanjutan pajakan Malaysia Hall, dengan pemilik bangunan terbabit, iaitu Portman Estates, di sini.

Sumber memberitahu *Berita Minggu* 'pertemuan' di antara beberapa wakil Malaysia Hall dengan Portman Estates itu dibuat sejajar hasrat kerajaan untuk terus mendiami bangunan itu.

Difahamkan, wakil Malaysia Hall membabitkan tiga pegawai Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) di sini, termasuk pengarahnya, Abdul Rahim Mohamad, seorang peguam muda dan seorang tokoh warga Malaysia di sini.

"Pada dasarnya, pertemuan itu diatur hanya untuk membolehkan kedua-dua pihak merintis jalan untuk mencari landasan bagaimana cara terbaik untuk memulakan rundingan berkenaan.

"Ia dilakukan sejajar kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, Ahad lalu bahawa kerajaan akan berusaha mengekalkan Malaysia Hall di lokasi yang sama," katanya.

*Berita Minggu* turut difahamkan, MSD yang menjadi penghuni dan pentadbir utama Malaysia Hall juga sudah menerima 'lampu hijau' daripada Kementerian Pendidikan untuk mengorak langkah mendapatkan lanjutan pajakan itu.

Malaysia Hall, yang membabitkan tiga blok bangunan di Bryanston Square, di sini, diduduki oleh MSD dengan hak pajakan daripada Portman Estates, iaitu satu daripada pemilik hartanah paling kaya di Britain.

Dua daripada blok bangunan yang menjadi alamat kepada MSD dan Malaysia Hall itu, akan tamat tempoh pajakannya tahun depan manakala yang satu lagi akan lupus pada 2013.

Penamatan tempoh pajakan itu menimbulkan persoalan berhubung masa depan Malaysia Hall, menyebabkan banyak pihak di sini mendesak pihak berwajib segera bertindak untuk mendapatkan hak lanjutan mendiami premis berkenaan.

Seorang daripada anggota perwakilan itu, ketika ditemui di sini bagaimanapun menafikan bahawa pertemuan dengan Portman Estate pada 10 Februari ini bertujuan membuka rundingan melanjutkan tempoh pajakan.

"Kumpulan ini pada dasarnya hanya bertujuan mengumpul maklumat mengenai Malaysia Hall bagi membolehkan satu pasukan perunding khas dilantik untuk menjalankan proses rundingan rasmi pada masa depan," katanya.

Beliau berkata, perkara itu penting kerana rundingan mendapatkan lanjutan tempoh pajakan atau membeli hak pegangan bebas sesebuah hartanah di negara ini, adalah satu proses undang-undang yang rumit.

Bagaimanapun, kumpulan itu mengesahkan sebarang usaha ke arah itu akan dibuat membabitkan ketiga-tiga blok bangunan terbabit sekali gus bagi mengelak ia hanya selesai separuh jalan dan berulang lagi pada 2013.

*Berita Minggu* juga diberitahu, kumpulan yang akan mengadakan pertemuan dengan Portman Estates itu akan turut mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Mohamad Amir Jaffar, terlebih dahulu.

Langkah itu dibuat bagi memastikan sebarang usaha yang dibuat sejajar dengan aspirasi kerajaan dan jika pihak Suruhanjaya mahu menghantar wakilnya dalam pertemuan itu, ia amat dialu-alukan.